

13 MAY 1996

Mahathir-EAEC

EAEC BOLEH SAING DENGAN EU DAN NAFTA DALAM MULTIMEDIA

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mendapat tepukan gemuruh daripada hadirin Jepun yang menunjukkan minat penuh apabila beliau bercakap mengenai penglibatan baru EAEC menghimpun negara-negara Asia Timur untuk bersaing dengan Eropah dan Amerika Utara dalam bidang teknologi maklumat.

Kata beliau EAEC mampu sebagai satu kumpulan bersaing dengan Kesatuan Eropah (EU) dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) bukan saja dari segi ekonomi tetapi juga dalam bidang-bidang lain dan usaha untuk penggunaan multimedia.

"EAEC ialah Perundingan Ekonomi Asia Timur. Ia juga boleh menjadi Masyarakat Elektronik Asia Timur," kata Dr Mahathir dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan sempena perhimpunan agung ke-12 Persatuan Teleport Dunia di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan seorang perwakilan Jepun mengenai tumpuan hadapan EAEC dan sama ada ianya akan menggalakkan pembangunan lebuhraya maklumat Asia Timur yang hebat.

Dr Mahathir berkata selain daripada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, pengumpulan dan pencarian ilmu dapat menjadi satu bidang saingan antara negara-negara dan bukan peperangan.

Negara-negara Asia Timur dapat berhubung antara satu dengan lain dan bertukar-tukar pengetahuan dan juga membantu negara-negara yang kurang maju menyaingi dan mengimbangi kemajuan ekonomi, kebudayaan dan sosial dunia.

Beliau juga berharap pada masa depan, negara-negara di Asia Barat akan turut serta dalam saingan ini.

Ketika menjawab satu lagi soalan mengenai peranan Jepun membangunkan telekomunikasi di Asia, Dr Mahathir berkata dengan kepakarannya yang maju, Jepun boleh memberi nasihat kepada negara lain bagaimana untuk menubuhkan koridor Multimedia dan melibatkan industri-industri di negara-negara ini.

Kata beliau Malaysia sedang menubuhkan koridor multimediana sendiri dengan penglibatan pihak swasta dan selain daripada prasarana dan insentif, ianya akan terus mempertingkatkan kemudahan-kemudahan.

"Kami memberikan penekanan dan kepentingan kepada sektor maklumat dan perhubungan dan Jepun boleh memainkan peranan utama. Industri Jepun sangat maju dalam bidang ini dan kami sentiasa berhubung dengan mereka," kata beliau.

Mengenai jenis kemajuan yang harus diwujudkan di dunia dan kepimpinan yang diperlukan untuk tujuan itu, Dr Mahathir merujuk kepada Wawasan 2020 Malaysia untuk mencapai status negara maju yang tidak akan mengetepikan aspek-aspek warisan kebudayaan, kod etika moral dan nilai dalam usaha-usaha itu.

Kata beliau dalam dunia yang semakin tidak bersempadan ini, pendapat satu negara satu bangsa akan menjadi ketinggalan zaman dan dunia akan menjadi entiti berbagai-bagai bangsa seperti Malaysia pada suatu hari nanti.

-- BERNAMA

TCL WAT AHH